

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 17 / 9 / 2007

## Kelantan terus dibela – Abdullah

Um-17/9/2007  
PASIR MAS 16 Sept. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan bahawa beliau tetap memberi perhatian sewajarnya kepada negeri dan rakyat Kelantan agar terus mendapat pembelaan.

Perdana Menteri berkata, selaku pemimpin kepada sebuah negara, peranan dan khidmatnya akan diberikan secara menyeluruh tanpa mengira negeri.

“Saya Perdana Menteri untuk seluruh negara, bukannya di negeri-negeri yang dikuasai Barisan Nasional (BN) sahaja,” ujar beliau.

Sehubungan itu, beliau berharap, seluruh rakyat akan memberikan kerjasama supaya segala kerja amal untuk membangunkan negeri ini dapat dijayakan dengan berkesan.

Abdullah berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Ibu Tunggal dan Golongan Daif Parlimen Pasir Mas dan Rantau Panjang di Sekolah Menengah Kangkong di sini hari ini.

Sebanyak 3,000 orang dari enam Dewan Undangan Negeri dalam dua kawasan Parlimen menerima sumbangan. Mereka merupakan sebahagian daripada hampir 45,000 orang di seluruh negeri ini yang bakal menerima bantuan serupa.

Menurut Perdana Menteri, beliau sememangnya ingin melihat segala yang dirancang membawa lebih banyak kebaikan untuk rakyat di negeri ini serta dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Katanya, dalam keadaan negara yang pesat membangun, masih ada kalangan rakyat yang memerlukan bantuan dan beliau akan sentiasa bersedia memberi pertimbangan sewajarnya.